

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 1 November 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK KANAK-KANAK, MALAYSIA, 2023

Jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun pada 2023 dianggarkan 9.13 juta, meliputi 27.4 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia, 33.38 juta

PUTRAJAYA, 1 NOVEMBER 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Statistik Kanak-Kanak, Malaysia, 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik terpilih bagi penduduk, kesihatan, pendidikan, perlindungan kanak-kanak dan kanak-kanak terlibat dengan jenayah. Statistik ini merupakan antara indikator yang digunakan dalam mengukur kualiti hidup dan kesejahteraan kanak-kanak mengikut konsep dan garis panduan yang disyorkan oleh *United Nations Children's Fund* (UNICEF).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “berdasarkan statistik anggaran penduduk 2023, jumlah **kanak-kanak di bawah umur 18 tahun** dianggarkan 9.13 juta meliputi 27.4 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia, 33.38 juta. Bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah umur 18 tahun masing-masing adalah 4.72 juta dan 4.42 juta. Sementara itu, komposisi kanak-kanak di bawah umur 5 tahun pada 2023 adalah 2.35 juta dengan 1.21 juta kanak-kanak lelaki dan 1.14 juta kanak-kanak perempuan. Kumpulan umur ini meliputi 25.7 peratus daripada jumlah kanak-kanak di Malaysia”.

W.P. Putrajaya merekodkan **peratusan tertinggi kanak-kanak** di bawah umur 18 tahun pada 2023 iaitu 41.1 peratus daripada jumlah penduduk W.P. Putrajaya, 0.12 juta. Ini diikuti oleh Kelantan (34.4%) dan Terengganu (33.5%). Manakala, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan peratusan terendah iaitu 22.6 peratus. Walau bagaimanapun, Selangor merekodkan bilangan

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 1 November 2023**

kanak-kanak di bawah umur 18 tahun tertinggi iaitu 1.81 juta, diikuti Johor (1.11 juta) dan Sabah (1.10 juta). Bilangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang terendah direkodkan di W.P. Labuan iaitu 0.03 juta.

Melihat kepada aspek **kesihatan**, indikator kekurangan nutrisi yang dilaporkan dalam penerbitan ini adalah berdasarkan kanak-kanak di bawah 5 tahun yang hadir ke fasiliti kesihatan. Kanak-kanak di bawah umur 5 tahun yang mengalami kekurangan nutrisi yang teruk di peringkat nasional meningkat sedikit kepada 0.3 peratus pada 2022 berbanding tahun 2021 (0.2%). Kanak-kanak di bawah umur 5 tahun yang mengalami kekurangan nutrisi yang sederhana di Malaysia meningkat 0.1 mata peratus kepada 1.4 peratus pada 2022 berbanding 2021 (1.3%).

Penemuan dalam bidang **pendidikan** menunjukkan bilangan murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan pada 2022 adalah 4.96 juta, meningkat 0.6 peratus daripada 4.93 juta pada 2021. Manakala bilangan murid di sekolah swasta mencatatkan penurunan 1.2 peratus kepada 0.42 juta berbanding 0.43 juta dalam tempoh yang sama.

Daripada perspektif **perlindungan kanak-kanak**, bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada 2022 meningkat 10.2 peratus kepada 6,770 orang berbanding 6,144 orang pada 2021. Lebih ramai kanak-kanak perempuan yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan iaitu 4,303 orang berbanding kanak-kanak lelaki (2,467 orang) pada 2022. Sementara itu, komposisi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan adalah Bumiputera (73.5%), Cina (7.5%), India (9.0%) dan Lain-lain (10.1%).

Bilangan **kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah** pada 2022 merekodkan penurunan sebanyak 12.8 peratus iaitu 3,013 kes berbanding 3,457 kes pada 2021. Manakala, bilangan kes jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak meningkat 9.5 peratus pada 2022 dengan 1,621 kes berbanding 1,481 kes pada 2021.

Penerbitan Statistik Kanak-Kanak, Malaysia, 2023 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (www.dosm.gov.my).

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 1 November 2023**


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 1 November 2023**

Carta 1: Bilangan kanak-kanak mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2022 dan 2023^P



Nota:

^PPermulaan

Merujuk kepada anggaran penduduk semasa pertengahan tahun

Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran

Paparan 1: Kanak-kanak (0 hingga <18 tahun) mengikut negeri, Malaysia, 2023^P



Nota:

^PPermulaan

Merujuk kepada anggaran penduduk semasa pertengahan tahun

Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 1 November 2023**

Jadual 1: Kanak-kanak di bawah umur 5 tahun yang mengalami kekurangan nutrisi yang sederhana dan teruk mengikut negeri, Malaysia, 2021 dan 2022

Negeri \ Tahun	Kekurangan nutrisi yang sederhana (%)		Kekurangan nutrisi yang teruk (%)	
	2021	2022	2021	2022
Malaysia	1.3	1.4	0.2	0.3
Johor	0.9	0.4	0.1	0.1
Kedah	0.9	0.8	0.2	0.2
Kelantan	1.2	1.1	0.3	0.2
Melaka	1.4	2.7	0.3	0.3
Negeri Sembilan	2.0	1.7	0.4	0.4
Pahang	2.9	2.8	0.6	0.6
Perak	2.9	3.0	0.4	0.3
Perlis	1.7	2.6	0.7	0.9
Pulau Pinang	1.0	1.1	0.1	0.2
Sabah	1.6	2.1	0.3	0.4
Sarawak	3.0	3.8	0.7	0.9
Selangor	0.6	0.4	0.1	0.0
Terengganu	0.9	1.0	0.2	0.1
W.P. Kuala Lumpur	0.8	0.9	0.1	0.2
W.P. Labuan	2.1	3.4	1.2	0.8
W.P. Putrajaya	0.6	0.3	0.0	0.2

Nota:

Berdasarkan kanak-kanak di bawah 5 tahun yang hadir ke fasiliti kesihatan (kedatangan baru)

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Jadual 2: Bilangan murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan mengikut peringkat pendidikan, Malaysia, 2021 dan 2022

	2021	2022	Kadar pertumbuhan (%)
Prasekolah	207,943	207,867	-0.0
Peringkat rendah	2,766,234	2,770,015	0.1
Peringkat menengah rendah	1,215,123	1,240,969	2.1
Peringkat menengah atas	744,664	744,026	-0.1
Jumlah	4,933,964	4,962,877	0.6

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 1 November 2023**

Jadual 3: Bilangan murid di sekolah swasta mengikut peringkat pendidikan, Malaysia, 2021 dan 2022

	2021	2022	Kadar pertumbuhan (%)
Tadika	297,271	283,436	-4.7
Peringkat rendah	36,974	41,108	11.2
Peringkat menengah	98,641	103,042	4.5
Jumlah	432,886	427,586	-1.2

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Paparan 2: Bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mengikut jantina, Malaysia, 2021 dan 2022



Sumber: Jabatan Kebajikan Malaysia

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 NOVEMBER 2023

Embargo: Only can be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 1st November 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

CHILDREN STATISTICS, MALAYSIA, 2023

The total population of children under-18 in 2023 is estimated at 9.13 million, covering 27.4 per cent of the total population of Malaysia, 33.38 million

PUTRAJAYA, 1st NOVEMBER 2023 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **Children Statistics, Malaysia, 2023**. This report presents selected statistics on population, health, education, child protection and children involved in crime. These statistics are among the indicators used in measuring the children's quality of life and well-being in accordance with the concepts and guidelines recommended by the United Nations Children's Fund (UNICEF).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "based on the population estimates for 2023, the number of **children under 18 years of age** (under-18) is estimated at 9.13 million, covering 27.4 per cent of Malaysia's total population of 33.38 million. The number of boys and girls under-18 are 4.72 million and 4.42 million respectively. Meanwhile, the composition of children under 5 years of age (under-5) in 2023 is 2.35 million with 1.21 million boys and 1.14 million girls. This age group covers 25.7 per cent of the total number of children in Malaysia".

W.P. Putrajaya recorded the **highest percentage of children** under-18 in 2023 which is 41.1 per cent of the total population of W.P. Putrajaya, 0.12 million. This was followed by Kelantan (34.4%) and Terengganu (33.5%). Meanwhile, W.P. Kuala Lumpur recorded the

Embargo: Only can be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 1st November 2023**

lowest percentage of 22.6 per cent. However, Selangor recorded the highest number of children under-18 at 1.81 million, followed by Johor (1.11 million) and Sabah (1.10 million). The lowest number of children under-18 was recorded in W.P. Labuan at 0.03 million.

Looking at the **health** aspect, the malnutrition indicators reported in this publication are based on children under-5 who attended health facilities. At national level, children under-5 who are severely malnourished increased marginally to 0.3 per cent in 2022 as compared to 2021 (0.2%). Children under-5 who are moderately malnourished in Malaysia increased by 0.1 percentage points to 1.4 per cent in 2022 as compared to 2021 (1.3%).

The findings in the field of **education** showed the number of pupils in government and government-aided schools in 2022 were 4.96 million, increased by 0.6 per cent from 4.93 million in 2021. Meanwhile, the number of pupils in private schools recorded a decrease of 1.2 per cent to 0.42 million as compared to 0.43 million during the same period.

Based on the perspective of **child protection**, the number of children in need of care and protection in 2022 increased by 10.2 per cent to 6,770 persons as compared to 6,144 persons in 2021. There were more girls in need of care and protection recording 4,303 persons as compared to boys (2,467 persons) in 2022. Meanwhile, the composition of children in need of care and protection are Bumiputera (73.5%), Chinese (7.5%), Indians (9.0%) and Others (10.1%).

The number **of children involved in crime** in 2022 recorded a decrease of 12.8 per cent which is 3,013 cases as compared to 3,457 cases in 2021. Meanwhile, the number of sexual crime cases involving children increased by 9.5 per cent in 2022 with 1,621 cases as compared to 1,481 cases in 2021.

Children Statistics, Malaysia, 2023 can be downloaded for free at the Department of Statistics Malaysia portal (www.dosm.gov.my).

Embargo: Only can be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 1st November 2023**


DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. “Agriculture Census, Key to Agriculture Development”.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Embargo: Only can be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 1st November 2023**

Chart 1: Children by selected age group, Malaysia, 2022 and 2023^P



Notes:

^PPreliminary

Refers to the mid-year current population estimates

The added total may differ due to rounding

Exhibit 1: Children (0 to <18 years) by state, Malaysia, 2023^P



Notes:

^PPreliminary

Refers to the mid-year current population estimates

The added total may differ due to rounding

Embargo: Only can be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 1st November 2023**

Table 1: Children under-5 with moderate and severe malnutrition by state, Malaysia, 2021 and 2022

State \ Year	Moderate malnutrition (%)		Severe malnutrition (%)	
	2021	2022	2021	2022
Malaysia	1.3	1.4	0.2	0.3
Johor	0.9	0.4	0.1	0.1
Kedah	0.9	0.8	0.2	0.2
Kelantan	1.2	1.1	0.3	0.2
Melaka	1.4	2.7	0.3	0.3
Negeri Sembilan	2.0	1.7	0.4	0.4
Pahang	2.9	2.8	0.6	0.6
Perak	2.9	3.0	0.4	0.3
Perlis	1.7	2.6	0.7	0.9
Pulau Pinang	1.0	1.1	0.1	0.2
Sabah	1.6	2.1	0.3	0.4
Sarawak	3.0	3.8	0.7	0.9
Selangor	0.6	0.4	0.1	0.0
Terengganu	0.9	1.0	0.2	0.1
W.P. Kuala Lumpur	0.8	0.9	0.1	0.2
W.P. Labuan	2.1	3.4	1.2	0.8
W.P. Putrajaya	0.6	0.3	0.0	0.2

Note:

Based on children under-5 who attended health facilities (new attendance)

Source: Ministry of Health Malaysia

Table 2: Number of pupils in government and government-aided schools by level of education, Malaysia, 2021 and 2022

	2021	2022	Growth rate (%)
Pre-school	207,943	207,867	-0.0
Primary level	2,766,234	2,770,015	0.1
Lower secondary level	1,215,123	1,240,969	2.1
Upper secondary level	744,664	744,026	-0.1
Total	4,933,964	4,962,877	0.6

Source: Ministry of Education Malaysia


Embargo: Only can be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 1st November 2023**

Table 3: Number of pupils in private schools by level of education, Malaysia, 2021 and 2022

	2021	2022	Growth rate (%)
Kindergarten	297,271	283,436	-4.7
Primary level	36,974	41,108	11.2
Secondary level	98,641	103,042	4.5
Total	432,886	427,586	-1.2

Source: Ministry of Education Malaysia

Exhibit 2: Number of children in need of care and protection by sex, Malaysia, 2021 and 2022



Source: Department of Welfare Malaysia

Released by:

CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

1st NOVEMBER 2023